


# GARIS PANDUAN KERJA SELAMAT BAGI PEKERJA PEMBERSIHAN JALAN RAYA

## JENIS AKTIVITI



Leaf Blower



Menyapu Jalan




Memotong Rumput

## POTENSI HAZARD



Lalulintas sekitar kawasan kerja



Sisa – sisa yang beterbang (flying debris)



Bunyi bising dari mesin



Haiwan berbisa

## PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI (PPD)



Jaket Keselamatan



Kasut Bertutup



Sarung Tangan




Perlindungan Mata



Perlindungan Telinga



Kon Keselamatan



Rajah 1: Lakaran kedudukan peralatan sebelum memulakan kerja pembersihan di jalan raya

- **Senarai Semak Sebelum Memulakan Aktiviti Pembersihan:**
  - i. Pastikan semua kelengkapan Peralatan Perlindungan Diri (PPD) berada dalam keadaan baik dan dipakai sepanjang melakukan aktiviti pembersihan.
  - ii. Menyediakan kawasan kerja yang selamat seperti meletakkan papan tanda amaran dan kon keselamatan seperti yang dinyatakan di Rajah 1. Kawasan buffer zone perlu sekurang – kurangnya 100m sebelum kawasan kerja.
  - iii. Memastikan kenderaan pekerja diletakkan dikawasan yang selamat. (diletakkan di dalam kawasan yang ditandakan dengan kon keselamatan)
- **Senarai Semak Semasa Melakukan Aktiviti Pembersihan:**
  - i. Sentiasa peka dengan keadaan sekeliling bagi memastikan masih berada dikawasan kerja yang selamat dan berwaspada dengan ancaman haiwan berbisa.
  - ii. Melakukan penandaan semula kawasan kerja sekirannya perlu melakukan pembersihan diluar kawasan kerja yang selamat.
  - iii. Kerja pembersihan hendaklah dilakukan secara bertentangan dengan alian trafik bagi memastikan pekerja sentiasa peka dengan keadaan lalulintas di kawasan tersebut.
- **Senarai Semak Selepas Melakukan Aktiviti Pembersihan:**
  - i. Pastikan segala sisa yang dihasilkan dibersihkan dan tidak ditinggalkan dikawasan jalan raya.
  - ii. Pastikan peralatan yang digunakan dikemas dan disimpan dikawasan yang telah ditetapkan.

## BOLEH & TIDAK BOLEH



Pastikan memakai kelengkapan Peralatan Perlindungan Diri (PPD) yang sesuai dengan jenis kerja.



Sentiasa pastikan bekerja dikawasan kerja yang telah ditandakan dan selamat.



Tidak melakukan perlakuan tidak selamat (Unsafe Act) semasa melakukan kerja pembersihan jalan raya.



Tidak meneruskan kerja jika berada dalam keadaan fizikal yang tidak sihat atau tidak cukup cergas untuk melakukan kerja.



Pastikan papan tanda amaran kerja sedang dijalankan diletakkan sepanjang proses kerja berlangsung.



Pastikan sentiasa kelihatan(visible)/tidak berada dalam keadaan bersembunyi ketika bekerja dikawasan persimpangan atau bulatan.



Tidak menaiki kenderaan kerja melebihi kapasiti yang ditetapkan atau menumpang dalam keadaan tidak selamat.



Tidak meninggalkan sisa kerja dikawasan jalan raya dan perlu dilupuskan ditempat yang disediakan.

## NOTIS KETIDAKPATUHAN

Notis Larangan atau Behenti Kerja (NOP) boleh dikeluarkan jika terdapat aktiviti kerja yang membahayakan nyawa atau harta benda.